

SET 3

SOALAN 1 (RUMUSAN)

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kebaikan bersukan kepada murid** dan **halangan menarik minat murid bersukan**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk mengisi masa lapang dan beriadah. Kewujudan aktiviti sukan ini mendorong pelancaran Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta pusat-pusat pengajian tinggi. Pendidikan Jasmani ini adalah terdedah kepada semua pelajar bahawa fungsi-fungsi sukan secara berfokus kepada fizikal dan mental seseorang dan juga mengajar mereka bagaimana melakukan setiap aktiviti sukan dengan tatacara yang betul supaya tidak membahayakan diri sendiri. Contoh aktiviti sukan yang agak popular kini ialah seperti olahraga, renang, bola sepak, tenis, badminton dan skuasy.

Aktiviti sukan meletakkan kemenangan dan kegagalan pada perspektif yang betul. Ideologi sosial aktiviti sukan ialah pembinaan sahsiah dan pembaikan keseimbangan emosi.. Melalui sukan, kita dapat mempelajari apa itu menang dan kalah. Oleh itu, sikap bertolak ansur boleh dijelmakan dalam diri murid. Tambahan pula setiap sekolah terdiri daripada pelbagai kaum secara tidak langsung semangat perpaduan dapat diwujudkan kerana aktiviti sukan menyediakan peluang untuk bekerjasama dan saling memahami di samping mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Selain itu, kegiatan sukan juga boleh menyumbang ke arah perpaduan serta dapat mengikis segala gejala sosial yang kurang diingini dalam pembangunan negara seperti diskriminasi, pengasingan dan sebagainya. Keperibadian yang unggul juga dapat dilahirkan kerana sukan boleh menghasilkan semangat yang positif dan ingin berjaya serta perjuangan yang kuat. Selain itu, kegiatan sukan juga boleh membentuk tingkah laku disiplin dalam kalangan murid. Ini adalah kerana setiap permainan mempunyai peraturan tersendiri yang harus dipatuhi oleh setiap peserta yang terlibat. Seseorang murid yang aktif dalam kegiatan sukan akan terdidik untuk mengagihkan masa dengan sewajarnya kerana masa itu emas. Murid tersebut akan menentukan masa yang sesuai untuk memberikan tumpuan terhadap sukan dan masa untuknya belajar.

Seterusnya, sukan juga menjadikan tubuh badan seseorang individu sihat dan cergas . Bersukan boleh menguatkan otot dan tulang serta menyihatkan badan. Seseorang murid yang bersukan pada setiap petang akan membakar lemak berlebihan dalam badan., Murid yang aktif bersukan jarang mendapat demam dan selesema berbanding dengan rakan-rakannya yang tidak bersukan. Oleh itu, seseorang murid yang aktif dalam sukan juga berjaya dalam pelajaran. Sukan juga membentuk murid menjadi seseorang yang berfikiran positif. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan aktif bersukan seseorang itu dapat berfikir secara rasional dan berkeyakinan tinggi serta tidak cepat berputus asa. Contohnya, Datuk Lee Chong Wei tetap tidak berputus asa walaupun gagal meraih pingat emas dalam sukan Olimpik baru-baru ini. Jelaslah bahawa sukan penting dalam melahirkan murid yang berfikiran positif.

Akhir sekali, murid yang aktif bersukan juga dapat menggunakan masa lapang mereka dengan lebih bermanfaat. Kebiasaanya murid yang aktif dalam bidang sukan tidak berminat

bermain permainan komputer dan tidak akan menghabiskan masanya untuk berpelelseran di pusat beli-belah, menonton televisyen dan *berbual-bual kosong* sebaliknya mereka akan menghabiskan masa dengan lebih bermanfaat.. Oleh itu, pihak kerajaan perlu menyediakan banyak kemudahan untuk bersukan di sekolah. Ibu bapa pula patut menggalakkan anak-anak mereka bersukan. Begitu juga dengan guru-guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sukan. Kerjasama antara semua pihak lebih ramai lagi jaguh sukan negara yang akan menyerlah di peringkat antarabangsa, asalkan kita tidak melakukannya sekadar hangat-hangat tahi ayam.

(Dipetik dan diubah suai daripada,
"Pelaksanaan Dasar 1 Murid 1Sukan", oleh Hj. Samat BinBuang,
Koleksi Rencana Umum Jilid 3)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud frasa *berbual-bual kosong*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan petikan tersebut, mengapakah bersukan membolehkan seorang individu itu sihat dan cerdas?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan masyarakat bersukan?

[4 markah]

Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GELANGGANG

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu di
kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaan sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini

*Antologi Jaket Kulit Kijang dari
Istanbul*, Dewan Bahasa dan
Pustaka.

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga, apakah yang diharapkan oleh penyajak kepada para pendekar sekarang?

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan negara dihormati oleh negara-negara luar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.
[4 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

Novel Jendela Menghadap Jalan Karya Ruhaini Matdarin
Songket Berbenang Emas Karya Khairuddin Ayip

- (a) Salah satu persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah **persoalan ketaatan**.

Jelaskan **dua** peristiwa yang menggambarkan persoalan ketaatan dalam sebuah novel yang anda pelajari.

- (b) Terdapat beberapa konflik yang digambarkan oleh pengarang dalam sesebuah novel. Berdasarkan dua novel huraikan satu konflik antara watak yang terdapat dalam setiap novel